

# AXCEL CEPHALEXIN-250 SUSPENSION

Cephalexin (250mg / 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Cephalexin-250 Suspension.
2. Bagaimana Axcel Cephalexin-250 Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cephalexin-250 Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Cephalexin-250 Suspension

Axcel Cephalexin-250 Suspension boleh digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria yang mudah mempengaruhi. Jangkitan yang boleh dirawat menggunakan Cephalexin ialah:

- Jangkitan saluran pernafasan.
- Jangkitan pada telinga, hidung dan kerongkong.
- Jangkitan pada saluran perkumuhan: *chronic pyelonephritis* (jangkitan buah pinggang), *cystitis* (jangkitan pundi kencing) dan *prostatitis* (jangkitan prostat).
- Profilaksis untuk jangkitan berulang saluran perkumuhan.
- Jangkitan ginekologi dan obstetrik.
- Jangkitan pada kulit, tisu lembut dan tulang.
- Gonorea (jangkitan alat kelamin lelaki dan wanita).
- Prosedur pergigian.

## Bagaimana Axcel Cephalexin-250 Suspension berfungsi

*Cephalexin Monohydrate* bertindak seperti *Benzylpenicillin*. Ia mempunyai tindakan membunuh bakteria yang hidup dan membahagi dengan merencatkan penghasilan dinding sel bakteria. Walaubagaimanapun, kini disadari

bahawa tahap awal yang lain dalam penghasilan dinding sel boleh juga direncatkan. Mekanisme lain termasuk pemecahan bakteria melalui penyahaktifan perencat endogenous bakteria autolisin.

## Sebelum menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Cephalexin-250 Suspension jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada cephalosporin.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum mula mengambil

Anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada mana-mana ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda pernah mengalami reaksi alergi pada penicillin.
- Anda menghadapi masalah kerosakan ginjal.
- Hamil dan menyusukan bayi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat, apabila diambil dengan Axcel Cephalexin-250 Suspension, ia boleh mengganggu antara satu sama lain. Ini termasuk:

- *Cephalexin*.
- *Probenecid* (ubat untuk gout)
- Penggunaan bersama dengan gelung *diuretic-furosemide* (ubat

untuk rawatan penyakit darah tinggi dan *edema* (retensi cecair)).

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberikan perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

## Cara menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension

### -Berapa banyak harus digunakan

#### Dewasa

#### Bagi kebanyakan infeksi:

Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun keatas: 500mg 3 kali sehari.

Bagi membantu pematuhan, terutamanya di kalangan pesakit ambulatori, dos seharian boleh diberi dalam 2 dos yang sama, sebagai contoh, 1g 2 kali sehari pada dewasa yang menghadapi jangkitan saluran kencing.

#### Bagi jangkitan yang serius atau deep seated:

1g 3 kali sehari atau 1.5g 4 kali sehari.

#### Kanak-kanak:

Dos normal yang dicadangkan: 25mg - 60mg/kg berat badan/hari.

Bagi kronik, serius atau 'deep seated' dos perlu ditingkatkan kepada 100mg/kg/hari (maximum 4g/hari).

0 - 1 tahun: 25mg - 60mg/kg/hari

1 - 2 tahun: 62.5mg - 125mg 4 kali sehari atau 125 - 250mg 2 kali sehari

3 - 6 tahun: 125 - 250mg 4 kali sehari atau 250 - 500mg 2 kali sehari

7 - 12 tahun: 250 - 500mg 4 kali sehari atau 500mg - 1g 2 kali sehari

#### Tempoh rawatan:

#### Bagi kebanyakan jangkitan teruk:

Rawatan perlu diteruskan bagi sekurang-kurangnya 2 hari selepas tanda-tanda kembali normal dan simptom telah berkurangan.

# AXCEL CEPHALEXIN-250 SUSPENSION

Cephalexin (250mg / 5ml)

## Bagi jangkitan kronik, pengulangan atau jangkitan saluran urinari komplikated:

Dicadangkan rawatan selama 2 minggu (mengambil 500mg 4 kali sehari).

## Bagi pesakit yang menghidapi kerosakan ginjal yang serius:

Dos yang dicadangkan separuh daripada dos normal. Dos maksimum yang dicadangkan perlu dikurangkan sebanyak 50% bagi kes kegagalan ginjal tahap ringan, 75% bagi kes kegagalan ginjal tahap sederhana dan 87.5% bagi kes kegagalan ginjal tahap serius.

Pesakit dewasa yang menerima dialisis berkala dicadangkan supaya menambah dos sebanyak 500mg cephalexin selepas setiap dialisi. Kanak-kanak dicadangkan menerima tambahan sebanyak 8mg per kg.

## Arahan untuk campuran:

Goncang botol dengan betul untuk meleraikan granul. Keluarkan penutup dan *Dose-Master<sup>TM</sup> adapter*. Kemudian, tambahkan sedikit air dahulu untuk melarutkan granul. Selepas itu, goncang dan tambah air sehingga ke penanda aras 60ml / 100ml. Letakkan *Dose-Master<sup>TM</sup> adapter* dan penutup. Goncang botol untuk mencampurkan ubat itu dengan betul.

## -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Cephalexin-250 Suspension.

## -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

## -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu

untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

- Tiada kesan yang dijangka akibat dos berlebihan.
- Dos berlebihan masih belum dilaporkan sebagai masalah apabila *Cephalexin* diberi melalui mulut.
- Dos berlebihan boleh disingkirkan melalui haemodialysis dan peritoneal dialysis.

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Cephalexin-250 Suspension berlebihan.

## **Semasa menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension**

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Cephalexin-250 Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Dos berterusan mungkin mengakibatkan pertumbuhan

bakteria atau kulat yang sukar dikawal.

- Ketika hamil atau menyusukan bayi.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cephalexin-250 Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor / ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Gangguan gastrointestinal (penyakit berkaitan saluran pencernaan seperti sakit perut, pedih ulu hati, cirit birit, sembelit, loya dan muntah).
- Reaksi hipersensitiviti termasuk ruam, *urticaria* (gatal-gatal / ruam pada kulit), *eosinophilia* (jumlah eosinofil yang luar biasa tinggi), demam, tindakbalas yang menyerupai penyakit serum (reaksi alahan terhadap suntikan serum, ruam, sakit sendi dan demam) dan *anaphylaxis* (reaksi alahan terhadap antigen).

Axcel Cephalexin-250 Suspension boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Axcel Cephalexin-250 Suspension dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera sekiranya anda mengalami mana-mana simptom berikut:

- Kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau iritasi mata.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda menyedari sesuatu yang membuat anda berasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui

# AXCEL CEPHALEXIN-250 SUSPENSION

Cephalexin (250mg / 5ml)

No. Tel: 03-78835490, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
25/02/2019

**Nombor siri**  
NPRA(R2/1)190123/24

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cephalexin-250 Suspension**

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cephalexin-250 Suspension dari jangkauan kanak-kanak.

Pastikan bekas ubat ditutup rapat. Simpan dalam suhu bilik yang tidak mencapai 30°C sehingga dilarutkan. Selepas dilarutkan, simpan pada suhu 2-8°C dan gunakan dalam tempoh 7 hari.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Axcel Cephalexin-250 Suspension ialah serbuk berwarna putih yang menghasilkan larutan berwarna merah jambu dengan perisa strawberi setelah dicampur dengan air.

### -Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

*Cephalexin Monohydrate*

Bahan Tidak Aktif:

*Refined Sugar, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Aerosil 200, PVP K30, Xanthan Gum, Cherry Red Color dan Strawberry Flavour.*

### -Nombor MAL

MAL16035027AZ

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.